NO. SOALAN : 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BUKAN LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]**
TARIKH	:	
SOALAN	:	

97. PR-1342-T73788
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat hari ini berapa banyakkah jumlah pelaburan yang telah berjaya ditarik oleh Johor melalui Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dan Hab GBS ASEAN, Iskandar Malaysia. Dan selain daripada kemajuan yang ditonjolkan oleh dua buah pusat pelaburan ini, apakah pusat-pusat lain di sekitar Malaysia yang telah berjaya menarik jumlah pelaburan yang besar untuk negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) telah menarik minat pelabur industri hiliran minyak dan gas yang lain untuk meninjau peluang di Pengerang. PIPC juga menyediakan peluang untuk syarikat pembekal perkhidmatan untuk melengkapkan ekosistem industri hiliran minyak dan gas turut menjadi perhatian pelabur Sehingga Mei 2015, terdapat 4 projek pelaburan dengan nilai pelaburan sebanyak RM37.1 bilion telah diluluskan untuk dijalankan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Daripada jumlah pelaburan tersebut:

- 3 projek bernilai RM33.3 bilion adalah di dalam industri petroleum dan petrokimia; dan
- 1 projek bernilai RM3.8 bilion di dalam industri plastik.

Manakala bagi Hab GBS ASEAN Iskandar pula, ianya adalah merupakan satu projek baru di bawah National Key Economic Area -NKEA Perkhidmatan Perniagaan (EPP2), diwujudkan bagi merangsang pelaburan di Iskandar Malaysia. GBS Iskandar menjadi program khusus bertujuan menggalakkan syarikat tempatan dan asing menubuhkan operasi GBS di Iskandar Malaysia yang kini semakin rancak membangun. Lokasi Iskandar Puteri yang strategik berhampiran Singapura, kos berdaya saing, keupayaan bahasa dan berkemahiran tinggi serta modal insan berbakat menjadikannya ideal sebagai hab perkhidmatan yang terunggul. Setakat ini, terdapat 8 syarikat yang mempunyai pelaburan komited sebanyak RM1.2 bilion dan 2,269 peluang pekerjaan baru yang bernilai tinggi dan berasaskan pengetahuan bakal diwujudkan.

Antara pusat-pusat lain di sekitar Malaysia yang telah berjaya menarik jumlah pelaburan yang besar untuk negara adalah seperti berikut:

Pertama: 13 Taman Halal yang telah dianugerahkan status Taman Halal HALMAS (di mana syarikat industri halal yang melabur dalam taman tersebut akan menikmati tawaran insentif cukai dan pengecualian duti yang menarik) diseluruh negara seperti Selangor Halal Hub, Pedas Halal Park, Melaka Halal Park, Tanjung Manis Halal Food Park dan Penang International Halal Park telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM8.45 bilion sehingga tahun 2015;

Kedua: Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan (MCKIP) dan Taman Perindustrian China- Malaysia Qinzhou (CMQIP) Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ECER. Sehingga Januari 2016, MCKIP telah berjaya menarik pelaburan keseluruhan berjumlah RM13.5 bilion;

Ketiga: Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak Taman Perindustrian Samalaju dibawah wilayah pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE). Taman ini telah menarik sebanyak 15 syarikat dengan jumlah pelaburan diluluskan bernilai RM25.2 bilion setakat 2015.

Prestasi pelaburan mengikut wilayah pembangunan dan hab pelaburan seluruh Malaysia secara terperinci adalah terkandung di dalam laporan tahunan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia – MIDA dan boleh didapati di laman sesawang www.mida.gov.my

Sekian, terima kasih.